


FUNGSI UNDANG DALAM ADAT PERPATIH
DI SUNGAI UJONG

ZARINA BTE OTHMAN

JABATAN PERSURATAN MELAYU
FAKULTI SAINS KEMASYARAKATAN DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI

SESI 1991 / 92

JAWATANKUASA PENYELIDIKAN BUDAYA N.S.



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

JABATAN PERSURATAN MELAYU

FUNGSI UNDANG DALAM ADAT PERPATIH
DI SUNGAI UJONG.

oleh

ZARINA BTE OTHMAN

Latihan ilmiah ini telah diterima oleh Jabatan Persuratan Melayu untuk memenuhi sebahagian keperluan ijazah Sarjanamuda Sastera (dengan kepujian) pada sesi

Penyelia

30 Mac. 1992

Tarikh

Ketua
Jabatan Persuratan Melayu

30 Mac 1992

Tarikh

JAWATANKUASA PENYELIDIKAN BUDAYA N.S.

FUNGSI UNDANG DALAM ADAT PERPATIH
DI SUNGAI UJONG

OLEH

ZARINA BTE OTHMAN

LATIHAN ILMIAH INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SEBAHAGIAN SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH
SARJANAMUDA SASTERA DENGAN KEPUJIAN

FAKULTI SAINS KEMASYARAKATAN DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI

1992

JAWATANKUASA PENYELIDIKAN BUDAYA N.S.

PENGAKUAN

"Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan-nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya"

31 Mac. 1992.

Tarikh



ZARINA BTE OTHMAN

(Tandatangan dan Nama Calun)

PENGHARGAAN

Syukur saya ke Hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah rahmat dan hidayatnya dapat saya menyiapkan Latihan Ilmiah ini.

Di ruang ini, saya mengambil kesempatan mengucapkan jutaan terima kasih kepada Drs. Lokman Md. Zen selaku Penyelia yang telah banyak membimbing dan menunjuk ajar dalam usaha menyiapkan Latihan Ilmiah ini.

Penghargaan juga saya tujukan kepada Tuan Hj Muhammad Tainu, Pengarah Penyelidikan Budaya Negeri Sembilan dan Datuk Johan Razali Khalid kerana telah banyak membantu saya mendapatkan maklumat-maklumat yang diperlukan.

Berbanyak-banyak terima kasih diucapkan kepada keluarga dan suami saya Encik Zainal Abidin Ramli yang banyak berkorban dan membantu hingga Latihan Ilmiah ini selesai dan tidak lupa juga kepada Encik Md Noor Dame yang telah menaip Latihan Ilmiah ini dengan sabar hingga sempurna.

TERIMA KASIH KEPADA SEMUA

SINOPSIS

Kajian ini adalah meliputi sistem Adat Perpatih yang diamalkan di Negeri Sembilan. Bab I merupakan pengenalan dalam sistem Adat Perpatih yang meliputi kehidupan politik, ekonomi dan sosial. Di samping menerangkan hubungan antara Minangkabau dengan Negeri Sembilan serta asal-usul Adat Perpatih. Di dalam Bab II diterangkan tentang dasar pemerintahan Adat Perpatih yang diamalkan di empat buah luak. Juga menerangkan organisasi Lembaga Adat Perpatih serta menunjukkan sifat-sifat yang perlu ada pada pemimpin-pemimpin adat. Bab III khusus menerangkan Sistem Undang di Luak Sungai Ujong. Ini termasuk cara pemilihan dan perlantikan Undang, bagaimana gelaran Datuk Kelana Putera itu didapati dan menerangkan fungsi serta ketetapan Undang pada masa dahulu dan masa kini. Bab IV pula lebih menunjukkan perubahan-perubahan yang berlaku di dalam sistem perundangan dan maksud serta tujuan diadakan Undang-undang Adat di Sungai Ujong. Manalaka Bab V menerangkan mengapa dan bagaimana krisis pemilihan dan pelantikan Undang Luak Sungai Ujong itu berlaku, sehingga sukar untuk menyelesaikan dan sukar untuk memilih bakal-bakal calon Undang Luak Sungai Ujong. Di samping itu penulis juga ada melahirkan beberapa cadangan yang mungkin boleh dibuat panduan untuk generasi-generasi akan datang. Akhir sekali merupakan kesimpulan tentang kekecuaan dalam pemilihan dan perlantikan Undang Luak Sungai Ujong.

KANDUNGAN

PENGESAHAN	i
JUDUL	ii
PENGAKUAN	iii
PENGHARGAAN	iv
SINOPSIS	v
JADUAL KANDUNGAN	vi

PENDAHULUAN

0.1	LATAR BELAKANG	ix
0.2	MAKSUD DAN TUJUAN KAJIAN	xiii
0.3	KEGUNAAN KAJIAN	xiii
0.4	METHOD DAN TEKNIK PENELITIAN	xiv
0.5	SUMBER DAN PENGUMPULAN DATA	xv
0.6	LOKASI KAJIAN	xv

BAB I : PENGENALAN ADAT PERPATIH

1.0	PENDAHULUAN	1
1.1	BAHAGIAN-BAHAGIAN ADAT DI MINANGKABAU	4
1.1.1	Adat Nan Sabana Adat	5
1.1.2	Adat Nan Diadakan	6
1.1.3	Adat Nan Teradat	7
1.1.4	Adat Istiadat	8
1.2	ASAL-USUL ADAT MINANGKABAU	9

1.3	HUBUNGAN MINANGKABAU DENGAN NEGERI SEMBILAN ...	12
1.4	ADAT PERPATIH DI NEGERI SEMBILAN	18
1.5	SISTEM HUKUM ADAT PERPATIH	23
1.6	SISTEM KEKELUARGAAN ADAT PERPATIH	31
1.6.1	Keluarga Sedarah Senisab Ibu	32
1.6.2	Keluarga Sekedim	34
1.6.3	Keluarga Sedarah Sebelah Bapa	36
1.6.4	Keluarga Semenda	36
 BAB II : SISTEM POLITIK ADAT PERPATIH		
2.1	DASAR PEMERINTAHAN ADAT	40
2.2	STRUKTUR ORGANISASI LEMBAGA ADAT PERPATIH	42
2.2.1	Luak Sungai Ujong	43
2.2.2	Luak Jelebu	47
2.2.3	Luak Rembau	50
2.2.4	Luak Johol	51
2.3	PEMILIHAN PEMIMPIN/UNDANG	53
2.4	TUGAS-TUGAS PEMIMPIN	59
2.5	SIFAT-SIFAT PEMIMPIN	61
2.5.1	Ekonomi	62
2.5.2	Kesihatan Badan	62
2.5.3	Budi	63
2.5.4	Akal	65
2.6	JENIS-JENIS PEMIMPIN	66
 BAB III : UNDANG SUNGAI UJONG		
3.1	SEJARAH UNDANG SUNGAI UJONG	70
3.2	GELARAN DATUK KLANA PUTERA	72

3.3	WARIS UNDANG SUNGAI UJONG	74
3.4	CARA LUAK SUNGAI UJONG MEMILIH DATUK KLANA	80
3.5	FUNGSI DAN KETETAPAN UNDANG	82
3.6	FUNGSI UNDANG MASAKINI	89
 BAB IV : PERUBAHAN DALAM SISTEM PERUNDANGAN DI SUNGAI UJONG		
4.1	MAKSUD DALAM SISTEM PERUNDANGAN DI SUNGAI UJONG	93
4.2	FAKTOR PERUBAHAN UNDANG-UNDANG ADAT DI SUNGAI UJONG	102
4.2.1	Politik	103
4.2.1	Ekonomi	105
4.2.3	Pendidikan	106
4.3	PEGANGAN UNDANG MENURUT ADAT	107
 BAB V : PENUTUP		
5.1	KRISIS PEMILIHAN DAN PERLANTIKAN UNDANG SUNGAI UJONG	117
5.2	CADANGAN	124
5.3	KESIMPULAN	130
GLOSARI		133
BIBLIOGRAFI		134

PENDAHULUAN

0.1 LATARBELAKANG

Di dalam masyarakat Adat Perpatih, Adat itu adalah peraturan hidup di dalam dunia. Seperti kata perbilangan,

Hidup dikandung adat

Mati dikandung tanah

Tujuan Adat ialah untuk kebaikan. Adat dapat menimbulkan yang baik dan menghilangkan yang buruk. Menurut Hazairin,

"Adat adalah renapan kesusilaan dalam masyarakat"

(Abdullah Sidik, 1975)

Peraturan dalam masyarakat Adat Perpatih di Negeri Sembilan sekarang dibahagikan kepada dua:

1. Fundamental
2. Tidak Fundamental

Fundamental sifatnya ialah yang boleh diubah-ubah mengikut keadaan, seperti yang terkandung di dalam perbilangan Adat,

Usang-usang diperbaharui

Lapuk-lapuk dikajangi

Yang elok dipakai

Yang buruk dibuang

Kalau singkat minta disambung

Kalau panjang minta dikerat

Kalau koyak minta ditampal

Ibu Adat muafakat.

Manakala yang tidak fundamental pula ialah sesuatu yang kekal serta tidak boleh berubah yakni peraturan hidup yang bersandarkan Syara'. Kata perbilangan,

Adat bersendikan hukum

Hukum bersendikan Syara'

Syara' mengata Adat menurut

(Ab. Samad Idris, 1987 : 2)

Sistem sosial masyarakat Negeri Sembilan memang tidak berbeza dengan sistem sosial di tanah Minangkabau, berhubung dengan nilai terhadap adat itu sendiri, nilai tentang budi, nilai tentang kaum perempuan, nilai tentang individu serta susunlapis pemerintahan.

Ditinjau dari segi keturunan atau segi kekeluargaan, masyarakat Adat Perpatih memakai sistem kekeluargaan yang utiliteral atau unilineal dan yang matrilineal. Dengan dasar masyarakat utiliteral-matrilineal maka timbullah sistem bersuku. Di Negeri Sembilan terdapat 12 suku dalam masyarakat Adat Perpatih ini, suku-suku ini ialah,

1. Suku Biduanda
2. Suku Batu Hampar
3. Suku Tanah Datar
4. Suku Tiga Batu

5. Suku Sri Lemak
6. Suku Sri Melenggang
7. Suku Paya Kumbuh
8. Suku Mungkal
9. Suku Batu Belang
10. Suku Tiga Nenek
11. Suku Anak Aceh
12. Suku Anak Melaka

Menurut Prof. M.A. Hanafiah mengenai pengertian suku di Minangkabau seperti berikut:

"Kesatuan kelompok manusia yang terkecil di Minangkabau adalah ibu dengan anak-anak, anak-anak itu namanya seibu dalam bahasa daerah satuande atau semandai. Yang mengepalai unit ini bukan bapak dari anak-anak, melainkan saudara lelaki dari siibu umumnya yang tertua. Anak daripada saudara perempuan itu adalah kemanakannya dan oleh anak itu dipanggil mamak".

Sistem politik Adat Perpatih juga teguh dengan amalan demokrasi yang teratur. Pemerintahan yang pertama sekali terletak dalam tangan mamak, kemudian ketua perut (buapak), kemudian ketua suku (lembaga), kemudian ketua luak (Undang) dan ahkir sekali ketua negeri (Yang Di Pertuan Negeri).

Buapak dipilih dan dilantik oleh mamak, lembaga dipilih dan dilantik oleh buapak, Undang dipilih dan dilantik

oleh Lembaga, Yam Tuan dipilih dan dilantik oleh Undang. Ini ada dicatat di dalam perbilangan adat:

Raja menobat dalam alamnya

Undang menobat dalam luaknya

Lembaga menobat dalam lingkungannya

Buapak menobat pada anak buahnya

Orang banyak menobat dalam terataknya

Jadi sistem pemerintahan menurut konsep am Adat Perpatih adalah sistem demokrasi. Menurut R.J Wilkinson mengenai Adat Perpatih sebagai satu adat yang demokrasi seperti berikut:

"The Adat Perpatih is democratic, it addresses itself to the commons and finds expression in quaint saying that seem to belong to the homely province of proverbial philosophy"

(R. J Wilkinson, 1908 : Hal. 7)

Teraju politik yang tertinggi sekali ialah Yang Di Pertuan Besar biasanya dikenali sebagai Yam Tuan. Dalam perbilangan adat, Baginda disifatkan sebagai keadilan menjelaskan fungsi baginda sebagai penyelesaian dan hakim tertinggi dalam sebarang masalah adat. Peranan ini jarang sekali Baginda ialah sebagai lambang kesatuan dan persekutuan di Negeri Sembilan. Baginda dipilih dan dilantik dari kerabat diraja.

Diantara luak-luak yang terdapat di Negeri Sembilan ada empat luak yang dianggap utama iaitu Luak Sungai Ujong, Luak Jelevu, Luak Johol dan Luak Rembau. Ketua bagi tiap-tiap luak ini digelar Undang. Di dalam tiap-tiap Luak ini ada satu suku yang diberi keistimewaan mencalonkan Undang atau penghulu daripada anggotanya. Umumnya suku istimewa ini ialah suku Biduanda. Ketua suku ialah lembaga segala hal ehwal suku adalah dalam lingkungan jagaannya.

0.2 MAKSUD DAN TUJUAN KAJIAN

Adapun maksud dan tujuan kajian ini ialah:

1. Untuk mengetahui amalan Adat Perpatih ini dengan lebih mendalam lagi.
2. Untuk mengetahui apakah amalan fungsi Undang ini masih diamalkan hingga sekarang.
3. Untuk mengetahui sejauhmana fungsi Undang ini difahami oleh masyarakat Adat Perpatih.

0.3 KEGUNAAN KAJIAN

Bermula dengan maksud dan tujuan kajian, maka kegunaan kajian ini adalah:

1. Untuk mengumpulkan bahan-bahan dan maklumat-maklumat dengan Adat Perpatih. Ini dapat membantu dan memberi panduan kepada generasi baru.

2. Untuk mendapatkan fungsi sebenar pemimpin-pemimpin adat agar nanti boleh dijadikan rujukkan.
3. Untuk menerangkan kepada masyarakat luar tentang kekeliruan dan anggapan-anggapan mereka yang tidak menyenangkan terhadap Adat Perpatih ini.

0.4 METHOD DAN TEKNIK PENELITIAN

Di sini method kajian dibahagikan kepada tiga iaitu:

1. Melalui temubual (wawancara)
2. Melalui pemerhatian
3. Melalui pembacaan

Wawancara dibuat dengan individu yang terlibat secara langsung di dalam struktur adat, iaitu berhubung langsung dengan dato'-dato' adat. Di samping itu menemubual beberapa orang yang tahu selok belok Adat ini.

Melalui pembacaan penulis menggunakan kemudahan perpustakaan dan pembacaan berkisar dari majalah yang berbentuk budaya.

0.5 SUMBER DAN PENGUMPULAN DATA

Sumber data dan pengumpulan data didapati:

I. Perpustakaan

1. Perpustakaan Tun Sri Lanang, U.K.M
2. Perpustakaan Institut Kebudayaan dan Kesusasteraan Melayu, U.K.M
3. Perpustakaan Yayasan Negeri Sembilan, Seremban
4. Perpustakaan Awam Hulu Langat, Kajang

II. Maklumat dari Bahagian Penyelidikan dan Budaya Negeri Sembilan

0.6 LOKASI KAJIAN

Kajian ini dibuat khusus di dalam Luak Sungai Ujong disamping Luak-luak lain secara am.

Melihat contoh pada yang lampau
Melihat tua pada yang menang
Usang-usang diperbaharui

Yang lapuk disokong
Yang elok dipakai
Yang buruk dibuang

Yang senteng dilabuhkan
Yang panjang dikerat
Yang rumpang disisit
Ibu adat ialah muafakat
Tak ada keruh yang tak jernih
Tak ada kusut yang tak selesai
Asal saja bersetuju
Jumpa benar jangan disiaahkan

BAB IV

PERUBAHAN DALAM SISTEM PERUNDANGAN DI SUNGAI UJONG

4.1 MAKSUD DAN TUJUAN DALAM SISTEM PERUNDANGAN

Maksud seseorang Undang adalah satu pekerjaan dan tanggungjawab yang harus dilaksanakan oleh waris-waris dan Lembaga Tiang Balai. Undang atau penghulu yang dilantik mestilah mempunyai pengetahuan yang mendalam terutamanya pengetahuan di bidang adat. Ini adalah disebabkan bahawa jawatan Undang itu merupakan jawatan yang tertinggi mengikut hukum adat. Apabila terlantiknya seseorang Undang sekaligus anggapan anak-anak buahnya mengatakan bahawa Undang yang terlantik itu adalah arif tentang hukum-hukum adat. Sebaliknya jika seseorang Undang yang terlantik itu tidak mendalami dan memahami soal-soal adat adalah sukar bagi Undang itu menyampaikan dan mempraktikkan mesej perundangan itu kepada anak buahnya.

Akibat dari kejahilan seseorang Undang dalam menyampaikan mesej-mesej perundangan ini akan melonggarkan sedikit demi sedikit hukum-hukum adat kerana pemimpin-pemimpin adat mula melupai dan mengambil mudah soal-soal adat ini.

Menurut Undang-undang Sungai Ujong:

Manusia itu raja pada tempatnya,

Orang kebanyakan itu raja pada tempatnya,

Penghulu itu raja pada tempatnya,
 Pegawai itu raja pada tempatnya,
 Hulubalang itu raja pada tempatnya,
 Kanak-kanak itu raja pada tempatnya,
 Perempuan itu raja pada tempatnya,
 Imam, khatib itu raja pada tempatnya,
 Bilal maulana itu raja pada tempatnya,
 Sidang Jumaat itu raja pada tempatnya,
 Segala binatang itu raja pada tempatnya,
 Segala burung itu raja pada tempatnya,

(Winstedt, De Jong, 1954 : 39)

Adapun orang kebanyakan itu raja pada tempatnya ini bermaksud tatkala dalam negeri atau Luak akan mengadakan upacara-upacara, kerja-kerja berat akan dilakukan oleh orang kebanyakan.

Manakala penghulu pula akan menjadi raja pada tempatnya apabila anak-anak buah berselisih faham, penghulu lah yang akan menyelesaikan dan segala kata-kata akan diikuti.

Adapun pegawai itu raja pada tempatnya ialah apabila penghulu-penghulu tidak semuafakat. Segala tugas-tugas negeri akan terpulang kepadanya untuk diuruskan dan keseluruhan negeri akan mengikut katanya.

Begitu juga dengan hulubalang itu raja pada tempatnya apabila berlaku perkelahian atau peperangan segala katanya

haruslah diikuti malah Raja sekalipun hendaklah mengikut kata-katanya.

Manakala kanak-kanak itu raja pada tempatnya ialah apabila kanak-kanak itu hendak makan, mandi dan tidur serta bermain. Sekelian itu akan dituruti oleh ibubapanya.

Begitu juga perempuan itu raja pada tempatnya apabila ia bertanak, menggulai dan menjaga anak segala perbuatannya itu tidak boleh disalahi.

Imam, khatib dan bilal, maulana itu raja pada tempatnya tatkala negeri inginkan doanya segalanya terpulanglah kepada mereka.

Sidang Jumaat raja pada tempatnya tatkala membaca doa selamat hendak naik haji atau menolak bala, terpulanglah kepadanya supaya dilepaskan Allah akan dosa sekelian isi negeri.

Adapun segala binatang seperti kerbau, lembu, kuda itu raja pada tempatnya tatkala manusia berkehendakkan kepadanya dibawakan pakaiannya, maknanya diangkatkan, najisnya dibuangkan dan tubuhnya dimandikan dan digosokkan pula di sanalah rajanya.

Begitu juga dengan burung itu raja pada tempatnya, tatkala dibawa ia bermain, dijinjing sangkarnya dan najisnya dibuangkan oleh manusia.

Adapun orang kaya dan saudagar itu raja pada tempatnya tatkala negeri kesukaran makanan atau berkehendakan beras dan padi, kepadanya juga dibeli.

Mengikut Undang-undang tersebut nyatalah setiap manusia mempunyai kelebihan dalam satu-sutu tugas itu. Mereka dianggap sebagai raja yang mengetahui di dalam setiap tugasnya. Oleh itu setiap penghulu atau Undang itu perlulah arif dan tahu akan kedudukan tempatnya terutama di bidang adat agar Undang itu dapat menyampaikan mesejnya kepada anak buahnya. Ini telah ditentukan oleh perundangan bahawa penghulu atau Undang itu raja pada tempatnya. Maka perkara ini mestilah dipraktikkan bagi memimpin masyarakat adat.

Menurut Undang Sungai Ujong juga:

"Jikalau berselisih segala negeri atau teluk atau laras dan lagi beting rantau maka kusut yang akan menyelesaikan keruh yang akan menjernihkan, hilang yang akan mencari hanyalah Daulat Yang Di Pertuan. Maka penghulu dan hulubalang semuanya mengiringkan Raja sahaja, di sanalah Raja segala alam yang lain daripadanya itu mendapat kebesaran daripadanya sahaja"

(Winstedt, De Jong, 1954 : 40)

Dari Undang-undang yang disebutkan itu dapatlah dikatakan bahawa segala tugas-tugas penghulu/Undang itu mestilah dapat izin dari Yang Di Pertuan, dengan cara ini Tuhan akan merestui segala masalah yang dihadapi.

Ini menunjukkan bahawa kuasa Undang itu bukan hanya buatannya sendiri tetapi adalah dari tanggungjawab yang telah ditetapkan untuknya.

Undang-undang juga mengatakan bahawa adapun:

"Tempat terbit benar itu daripada tiga perkara, muafakat, kitab Allah, pesaka. Adapun asal benar itu empat perkara daripada perkataan Allah, dalil Allah dan hadis Rasul, daripada ikhtiar, ulama dan imam"

(Winstedt, De Jong, 1954 : 40)

Undang-undang telah menetapkan bahawa kebenaran itu dapat dicari melalui muafakat, kitab Allah dan teromba yang dikatakan sebagai pesaka.

Muafakat merupakan kebulatan tekad yang telah dipersetujui bersama, ini menimbulkan satu kesedaran dalam jiwa masyarakat bahawa yang patut diutamakan di dalam hidup masyarakat ialah kepentingan bersama, bukan kepentingan perseorangan. Malah seseorang Raja (Undang) itu tidak berdiri sendiri di atas rakyatnya, tetapi sebagai satu kesatuan dengan rakyatnya yang bertugas memelihara hidup rukun dan damai masyarakat atas dasar musyawarah.

Di samping itu keputusan di dalam muafakat tidak merupakan satu keputusan yang didasarkan atas kehendak dari suara yang terbanyak dan kemudian memaksa golongan yang kalah menerimanya, tetapi adalah satu keputusan muafakat yang mencerminkan keinsafan masyarakat bahawa itulah yang sebaik-

baik keputusan. Oleh itu dalam hukum adat, istilah kalah menang melalui muafakat tidak wujud (Abdullah Sidik, 1975 : 13).

Kitab Allah yang disebut di dalam Undang-undang itu pula menunjukkan bahawa terdapat hubungan antara Adat dan Syarak Islam, ia adalah saling lengkap melengkapi. Ini juga bermaksud pada adat menghilangkan yang buruk menimbulkan yang baik. Pada Syarak (kitab Allah) menyuruh berbuat baik dan mencegah berbuat jahat.

Pesaka merupakan warisan yang diperturunkan. Bagi masyarakat Adat Perpatih yang mengikut keturunan matrilineal, warisan diturunkan kepada kemanakan, baik warisan gelar mahupun warisan harta yang biasa disebut "sako dan pusako". Harta warisan seperti tanah, rumah, ladang lazimnya diturunkan kepada pihak perempuan manakala warisan gelar pula diturunkan kepada kemanakan lelaki.

Sesungguhnya pula asal kebenaran itu adalah daripada firman Allah dan hadis-hadis Nabi yang daripada yang daripadanya ulama-ulama dan imam-imam berikhtiar menyampaikan kepada umat masyarakat di bumi ini. Kebenaran yang asli inilah yang menjadi pegangan dan ketetapan setiap penghulu dan Undang untuk menyampaikan mesejnya kepada kelompok masyarakat nya.

Undang di dalam melaksanakan keadilan mestilah berpegang pada pola "awak samo awak" yang bererti bahawa

yang sengketa adalah saudara sendiri iaitu antara anak-anak dengan anak buah yang ada hubungan waris. Oleh itu kebijaksanaan pengadilan mestilah menurut pepatah adat ini:

Menarik rambut dari tepung

Rambut tidak putus

Tepung tidak berselerak

Maksudnya, bila keputusan telah diambil diharapkan persengketaan baru tidak sampai tumbuh atau keputusan yang diambil tidak sampai menimbulkan kesengsaraan yang tidak terderitakan oleh yang terkena hukuman.

Oleh itu pengadilan yang dilaksanakan oleh Undang/penghulu mestilah mengikut kebijaksanaan dan hukum perundangan yang telah ditetapkan seperti:

i. Dicari jo bicaro (dicari dengan bicara)

Ini bermaksud mencari punca persengketaan dengan bertanya kedua belah pihak yang bersengketa agar perdamaian dapat diusahakan.

ii. Dicari jo hukum (dicari dengan hukum)

Ini bermakna apabila perdamaian antara kedua belah pihak tidak tercapai, maka persengketaan haruslah diselesaikan menurut Undang-undang yang ada.

Oleh itu bila seorang pemimpin telah merasa dirinya sudah uzur, selalunya ia menarik diri dan meletak jawatan dengan kerelaan sendiri supaya tempatnya akan diganti oleh pemimpin yang lebih muda dan kuat.

2.5.3 Budi

Pemimpin mestilah watak yang baik. Di Minangkabau seorang pemimpin digelar Penghulu. Istilah Penghulu itu terbit dari perkataan dasar "hulu" yang membawa makna seorang yang boleh diharapkan sebagai tempat bergantung. Keris dan parang tidak dapat bergerak dengan sempurna (Nordin Selat, 1974 : 7). Oleh itu seorang pemimpin itu perlulah menjadi lambang kebaikan tingkah lakunya, baik moralnya mahupun prestasinya. Jika tidak serupalah seperti "ketam mengajar anaknya berjalan betul".

Budi juga termasuk dalam konsep watak yang baik iaitu:

1. Pemurah
2. Sabar
3. Benar
4. Amanah
5. Tabligh

Pemurah bagi seorang pemimpin ialah pemurah mengeluarkan wangnya, tenaganya, ilmunya dan kebijaksanaannya. Dia juga harus sentiasa sanggup menolong anak buahnya dalam segala lapangan.

- iii. Dicari melalui alua jo patuik (dicari dengan alur dan patut)

Ini bermaksud apabila kesalahan telah terbukti dan hukumannya telah ditemui, maka berat ringannya hukuman yang akan dikenakan itu harus dipertimbangkan lagi berdasarkan kemampuan terdakwa untuk menjalankannya.

- iv. Dicari jo sekato (dicari dengan sekata)

Ini menunjukkan bahawa apabila keputusan telah diambil, maka kedua belah pihak harus menerima keputusan dengan sama-sama melaksanakannya. Andaikata tiada kata sepakat, jika hukum pampasan yang dikenakan tidak dapat dipikul terdakwa beserta kerabatnya, walaupun sudah dapat keputusan yang adil tetapi masih perlu dilanjutkan untuk mencari kata sepakat mengenai hal itu.

Pengadilan dalam perkara serupa ini mestilah diselesaikan mengikut kebijaksanaan penghulu atau Undang itu. Hukum yang perlu diambil oleh seseorang penghulu itu adalah seperti:

- i. Hukum di tengah batang

Ini bererti hukum dijatuhkan berdasarkan sepakat kedua belah pihak yang bersengketa.

Seorang pemimpin haruslah sabar. Dia harus mengawal kemarahannya sekalipun di dalam keadaan yang amat sukar. Sifat pemaarah bukan sifat seorang ketua dan sifat ini akan mengikis rasa hormat anak buah. Dia harus tenang, harus bersikap memahami, seperti kata perbilangan:

Berlaut lepas

Berpandang luas

Bermaksud seperti laut yang luas begitu juga pemandangannya, tetapi ia tetap berdasarkan hakikat walaupun laut itu luas namun ia tetap bertepi iaitu:

Tiada keruh yang tidak menjernihkan

Tiada kusut yang tidak diselesaikan

Di samping itu seorang pemimpin juga perlu bercakap benar. Apabila dia bercakap yang keluar mestilah yang benar. Apa yang dilafazkannya mestilah dipraktikkannya, "kata dikotakan". Dia harus yakin dalam segala yang dikatakan.

Seorang pemimpin juga perlu amanah dan jujur dalam fikiran, kata-kata dan perbuatannya. Kejujuran kata-kata merangkum setiap aspek kebenaran. Kejujuran perbuatan, mengenyepikan sifat-sifat seperti rasuah, tidak bertanggung jawab dan menyalahgunakan kepercayaan yang diberikan kepadanya. Jujur bermakna tidak menipu diri sendiri dan menjual anak buah.

ii. Hukum meniti batang

Ini bermaksud hukuman dijatuhkan jika kedua belah pihak yang bersengketa tidak dapat memperolehi kata sepakat tentang bentuk hukumannya.

iii. Hukuman diguling batang

Ini bermakna hukuman dijatuhkan ketika bukti telah cukup meskipun terdakwa tetap memungkirkan tuduhan.

iv. Hukuman di balaik batang

Ini bermakna hukuman dijatuhkan tanpa mengadili terdakwa terlebih dahulu.

Oleh itu setiap Undang mesti menjalankan hukuman dengan seadil-adilnya. Undang telah diberikan mesej perundangan yang perlu diikutinya. Pilihan yang perlu dibuat adalah mengikut kebijaksanaan penghulu itu dan anak-anak buah akan menghormati kewibawaannya. Jika sebaliknya berlaku anak-anak buah akan engkar kepada penghulunya.

Meskipun hukuman yang diputuskan itu terletak di atas kewibawaan dan pilihan penghulu, tetapi penghulu mestilah berpanduan kepada pedoman ini:

Hukum palu-palu ular

Ular dipalu ^{tidak} mati X

Tanah dipalu tidak lembang

Kayu pemalu tidak patah

Ini bermaksud orang yang bersalah boleh dihukum tetapi jangan merosakkannya apalagi membunuhnya.

4.2 FAKTOR PERUBAHAN UNDANG-UNDANG ADAT DI SUNGAI UJONG

Undang-undang adat dipelihara bagi menunjukkan keperibadian tatasusila masyarakat dan bangsa, ia juga tertakluk kepada Undang-undang alam yang mengalami perubahan. Begitu juga dengan konsep Adat Perpatih yang masih dipakai dalam Negeri Sembilan sekarang, ia telah jauh berubah corak. Ini berbanding dengan keadaan mula-mula adat itu dipakai tetapi walau bagaimanapun ia masih juga berdiri tegak di atas alurnya.

Perubahan dalam Undang-undang adat ini bermula apabila daerah-daerah telah dipecah-pecahkan kepada mukim. Penghulu-penghulu mukim telah ditugaskan di setiap mukim. Oleh itu kuasa Datuk-datuk Lembaga yang seharusnya bertanggungjawab dalam urusan tanah mengikut peranan mereka pada mulanya telah tiada lagi, kecuali hal-hal yang berkaitan dengan penukaran nama tanah-tanah pesaka sahaja yang ia tentukan, itu pun jika dikehendaki oleh Pegawai Daerah.

Disamping itu telah diadakan juga ketua-ketua kampung untuk orang-orang kampung mengadukan masalah-masalah kecil. Malah negara juga telah dilengkapi dengan jabatan-jabatan pentadbiran, polis, mahkamah pengadilan yang berbeza sekali cara pengurusannya dijalankan berbanding dengan yang dibuat oleh hukum-hukum adat. Oleh itu pembesar-pembesar adat

nampaknya telah tiada lagi kerja mereka di dalam menguruskan pentadbiran negeri cuma mereka menjalankan tugas-tugas yang bersangkutan dengan adat sahaja. Perubahan ini dipengaruhi oleh beberapa oleh beberapa faktor antaranya faktor politik, ekonomi dan juga faktor pendidikan.

4.2.1 Politik

Sistem politik negara telah membahagi-bahagikan tugas pentadbiran kepada pegawai-pegawai yang berkeelayakan. Ini kerana masyarakat sesebuah negeri, contohnya Sungai Ujong bukan sahaja didiami oleh masyarakat adat tetapi meliputi berbagai kaum dan keturunan. Untuk memudahkan pentadbiran penduduk-penduduk negeri itu mestilah tertakluk kepada satu pemerintah kerajaan yang dapat memerintah secara keseluruhan.

Sungguhpun begitu kepentingan masyarakat adat tidaklah dihapuskan seluruhnya. Masyarakat adat di Sungai Ujong khususnya dan Negeri Sembilan amnya masih lagi mempunyai pembesar-pembesar adatnya seperti Undang.

Undang merupakan lambang kebesaran adat di setiap luak di Negeri Sembilan dan ia merupakan ketua yang ditugaskan untuk menyelaraskan pentadbiran masyarakat adat di tiap-tiap Luak. Sungguhpun begitu tugas-tugas Undang ini hanya terbatas kepada

lingkungan tugas-tugas yang berunsurkan adat sahaja, tetapi apabila tugas itu membabitkan pentadbiran awam, Undang tidak punya kuasa lagi melainkan menyerahkan kuasa itu kepada yang berhak di dalam pemerintahan kerajaan.

Jawatan Undang sebagai ketua adat telah dijadikan sebagai satu jawatan pegawai kerajaan yang bertaraf pembesar negeri dan tugasnya khusus untuk mentadbirakan tentang adat. Undang telah diberi gaji berjumlah \$6,000.00 di samping sebuah kenderaan rasmi dari kerajaan negeri yang jenisnya Mercedes Benz 280 SE.

Walaupun begitu kerajaan telah memberi satu keistimewaan kepada masyarakat adat di dalam perlantikan Undang. Kerajaan telah memberikan kuasa penuh kepada Lembaga adat dan waris-waris Undang untuk melantik wakilnya (Undang) sendiri.

Sungguhpun begitu faktor politik mungkin akan mengubah soal-soal pemilihan ketua-ketua adat. Ini memandangkan kesukaran waris-waris dan Lembaga Adat sekarang memilih wakil (Undang) mereka. Contohnya: Pemilihan Undang Luak Sungai Ujong. Campurtangan politik tidak mustahil akan merombak corak perlantikan pembesar-pembesar adat, walaupun mengikut adat, politik dan adat itu tidak boleh digandingkan.

4.2.2 Ekonomi

Faktor ekonomi juga mempengaruhi perubahan dalam Undang-undang adat. Mengikut Undang-undang adat cukai lazimnya dipungut oleh Undang dan waris-warisnya, dengan cara ini Undang mendapat pendapatan menerusi cukai di dalam luaknya. Perubahan berlaku apabila apabila sistem percukaian dipungut oleh pejabat pentadbiran di tiap-tiap negeri.

Perubahan juga berlaku apabila Undang telah diberi gaji bulanan manakala waris-waris pula mendapat elaun bulanan mereka sebanyak \$250.00.

Di samping itu faktor ekonomi juga dijangkakan dapat mengubah corak pemilihan ketua-ketua adat di dalam tiap-tiap luak. Memandangkan masyarakat sekarang lebih bersifat materialistik maka tidak mustahil berlaku beberapa sogokkan untuk menaikkan calon dari waris mereka.

Faktor ekonomi juga telah menyebabkan tanah-tanah pesaka dan tanah-tanah adat tidak lagi berfungsi di dalam Undang-undang Adat. Tanah-tanah tersebut telah terjual dan ada yang digadaikan. Contoh: Tanah adat di luak Sungai Ujong. Perubahan di dalam pindah milik tanah-tanah adat mungkin akan berlanjutan kepada luak-luak yang lain memandangkan kawasan tanah semakin sempit bagi memajukan kawasan.

4.2.3 Pendidikan

Faktor pendidikan juga mempengaruhi perubahan Undang-undang adat. Ini terjadi apabila terdapat generasi baru yang mempunyai pendidikan tinggi cuba untuk menjawat jawatan ketua adat, walaupun mereka tiada pengetahuan tentang adat.

Generasi baru yang tiada pengetahuan adat ini menjadi ketua adat baginya bukanlah untuk tujuan memimpin masyarakat adat tetapi lebih kepada tujuan materialistik, memandangkan ketua adat menerima gaji yang lumayan di samping kemudahan-kemudahan lain.

Perubahan dalam sistem adat akan timbul apabila pucuk pimpinan adat tidak tahu tentang perjalanan adat. Di sini akan menerbitkan gejala-gejala yang kurang sihat dalam pimpinan adat. Gejala-gejala seperti hilangnya hormat anak buah kepada ketua adat, hilangnya kepatuhan anak buah kepada pemimpin adat semua ini akan memusnahkan kemurnian masyarakat adat yang tidak tahu adat.

Di samping itu masyarakat yang mendapat pendidikan agama juga mempengaruhi perubahan Undang-undang adat ini. Perubahan berlaku dalam cara mewarisi harta pesaka kebanyakannya telah mengikut sistem Islam secara Faraid. Cara sistem pewarisan harta pesaka mengikut hukum adat mula ditinggalkan

sedikit demi sedikit.

Hukum berkedim di dalam Undang-undang adat juga telah mengalami perubahan. Perubahan berlaku memandangkan upacara berkedim itu seperti mencecah darah pada anggota yang masuk berkedim dengan keluarga yang menerima itu, adalah dianggap sebagai khurafat. Hukum-hukum agama amat melarang kerja-kerja khurafat ini, kerana boleh memesongkan iman seseorang.

4.3 PEGANGAN UNDANG MENURUT ADAT

Penghulu atau Undang haruslah mempunyai sifat-sifat yang terpuji, cerdik, berakal, adil dan patuh dalam menjalankan pimpinan mentadbir dan menjaga keamanan luak dan anak-anak buahnya. Selain itu setiap penghulu (Undang) hendaklah bekerja untuk kepentingan orang ramai dan bukannya untuk faedah diri sendiri sahaja. Di dalam melaksanakan tugas-tugasnya itu tiap-tiap penghulu mempunyai pegangannya. Walaupun pegangan-pegangan ini tidak tertulis secara teratur tetapi ia dapat difahami melalui perbilangan-perbilangan adat yang telah dipesakai turun temurun.

Oleh di dalam memimpin masyarakatnya penghulu (Undang) mestilah mengutamakan masyarakat agar mereka dapat hidup dengan aman bahagia. Pengertian ini ada disebut di dalam perbilangan adat:

Kelok paku kacang belimbing
Tempurung lenggang-lenggangkan
Dibawa menurun ke Saruaso
Tanamilah sireh diureknya

Anak dipangku kemanakan dibimbing
Orang kampung dipertenggangkan
Tenggang negeri jangan binaso
Tenggang serta jo adatnya

Undang bagi masyarakat adat merupakan tempat mereka mengadu masalah. Malah Undang merupakan tempat mereka berlindung. Oleh itu Undang mestilah mempunyai sifat-sifat kewibawaan dan bijaksana agar anak-anak buah dapat membuat tempat mengadu seperti kata-kata perbilangan adat:

Kayu beringin di tengah padang
Yang berpucuk benar-benar bulat
Yang berakar benar-benar tunggang
Daun rimbun tempat berlindung
Batangnya besar tempat bersandar
Akar kuat tempat bersela
Dahannya tempat bergantung
Yang tinggi tanpak jauh
Dekat mula bertemu
Tempat berlindung ketika panas
Untuk berteduh bila hujan

dan disebut juga,

Penghulu lantai negeri
Akan melantai dusun dan teratak
Melanta koto dan nagari
Melantai korong dan kampung
Melantai sawah dan ladang
Melantai surau dan masjid
Melantai jalan dan tepian
Melantai anak kemanakan

kerana tugas kepimpinannya maka Undang itu mestilah memegang pegangan adat ini iaitu:

Kalau melantai sebelum lapuk
Kalau memintas sebelum hanyut
Ingat-ingat sebelum kena

Penghulu atau Undang dalam masyarakat adat tidak membuat keputusan dengan sendirinya. Keputusan adalah berpandukan muafakat, iaitu mesyuarat bersama kemanakan hingga tercapai persetujuan sebulat suara. Muafakat ini pula berpandukan kepada "yang benar" dan alur yang patut iaitu dianggap betul dan sesuai pada undang-undang alam, akal dan moral seperti kata perbilangan:

Penghulu beraja ke muafakat
Muafakat beraja kepada yang benar
Benar berdiri dengan sendirinya
Yang dinamakan alur dan patut

Di samping itu Undang seharusnya tidak boleh memilih kasih di dalam melaksanakan tugas-tugas masyarakat, kepentingan diri, kasih sayang terhadap keluarga mestilah disama-ratakan, terutama di dalam menentukan kebenaran dan keadilan. Undang tidak boleh memihak kepada kerabatnya dan waris-warisnya jika sesuatu masalah itu mengaitkan waris-warisnya . Ini seperti kata perbilangan adat:

Ibarat limau masam sebelah

Perahu karam sekerat

Tiba di mata dipicingkan

Tiba di perut dikempiskan

Bebenar ke pangkal lengan

Berteras ke umpu kaki

Bersaksi di hujung tapak

dan disebut juga,

Menghukum adil berkata benar

Tidak boleh berpihak-pihak

Hukum adil dijalankan

Nan benar dianjak tidak

Kedua-dua perbilangan adat ini menunjukkan bentuk dan cara seseorang ketua atau Undang itu harus bertindak dalam menyelesaikan sesuatu sengketa di kalangan anak-anak buahnya masing-masing. Cara hukuman yang dijalankan begitu halus dan tinggi nilai budinya, mereka tetap berpegang teguh kepada kebenaran yang tidak boleh diubah-ubah.

Di samping itu telah menjadi resam dunia seseorang penghulu atau Undang itu terdedah kepada cacian, kata-kata nesta dan kadang-kadang maki hamun oleh masyarakatnya sama ada berdepan atau di belakang. Dalam hal ini perbilangan ada menyebut:

Anak teluk timbunan kapal

Adat gaung timbunan kabut

Adat bukit timbunan angin

Adat pemimpin tahan umpat

Oleh itu setiap penghulu atau Undang mestilah berpegang kepada kata-kata perbilangan adat itu. Jika tidak Undang akan menjadi "tenggelam punca" apabila berhadapan dengan maalah-masalah yang melibatkan maruah dan kewibawaannya. Undang tidak boleh mengecilkan hati anak-anak buahnya kerana tegaknya Undang adalah sokongan daripada anak-anak buahnya. Terdirinya Undang atau ketua itu ialah kerana adanya anak buah dibelakangnya seperti kata perbilangan:

Tumbuhnya ditanam

Tingginya dianjung

Besarnya diampu

Maksudnya, seseorang ketua atau Undang itu ada kerana diangkat oleh anak-anak buahnya. Dia tinggi kerana ditinggikan oleh anak buahnya dan dia besar kerana dibesarkan oleh anak buahnya. Pada anak buah pemimpin atau penghulu adalah:

Pergi tempat bertanya

Pulang tempat berberita

Maksudnya, kalau anak buahnya pergi meninggalkan kampung dia akan memberitahu penghulu tentang pemergiannya, apabila dia balik juga akan memberitahu tentang kepulangnya. Ini menunjukkan betapa eratnya hubungan antara penghulu dengan anak-anak buahnya, oleh itu penghulu atau Undang jangan sekali-kali mengabaikan anak buahnya kerana antara penghulu dan anak buah hidupnya sandar-menyandar. Iaitu anak buah memerlukan penghulu atau Undang sebaliknya penghulu juga memerlukan anak-anak buahnya. Tanpa anak-anak buah dia bukan lagi seorang pemimpin.

Di samping itu anak-anak buah juga ada tanggungjawabnya terhadap ketua atau penghulu, ini seperti kata perbilangan adat:

Kok Malu membangkitkan

Haus memberi air

Kok litak memberi nasi

Hilang mencari

Sakit mengubat

mati menanam

Melawan Tok Guru dengan ilmunya

Melawan Penghulu dengan adatnya

Anak buah boleh menegur penghulunya tetapi haruslah secara rasional iaitu kalau hendak mengalahkan orang yang

berilmu, anak buah sendiri harus berilmu, kalau menegur ketua adat, anak buah sendiri harus tahu tentang adat.

Dalam adat kesalahan ketua dikatakan "dahagi". Kalau anak buah salah dikatakan "dahaga". Kesalahan-kesalahan ini harus dihukum supaya tidak merosakkan masyarakat. Pendek kata pada anak buah:

Orang beradat tidak tahukan adat

Gugur pesakanya

begitu juga pada ketua/penghulu, jika dia tidak tahu menjadi ketua dan selok belok adat maka ia harus dipecat:

Raja adil Raja disembah

Raja zalim Raja disanggah

Raja di sini meliputi semua ketua, siapa sahaja ketua yang melanggar keadilan akan dilucutkan jawatannya. Oleh itu ada perbilangan adat yang mengatakan:

Elok nagari dek penghulu

Sapakat nanti jo dibalang

Kalau tak pandai memagang hulu

Alamat sapuah kamangulang

Ini bermaksud jika seseorang pemimpin atau penghulu itu tidak pandai memimpin alamat masyarakat akan kucar kacir dan keadilan sukar untuk ditegakkan apalagi untuk mencapai kemakmuran.

Penghulu (Undang) adalah raja di dalam luaknya yang berfungsi sebagai pemerintah dan menjadi pemimpin, menjadi hakim dan pendamai di dalam kelompok anak-anak buahnya. Ia juga menjadi jaksa dan pembela dalam perkara yang perkara yang dihadapi oleh anak buahnya terhadap orang luar. Dalam mengurus kepentingan, kesejahteraan dan keselamatan anak-anak buahnya, ia bertindak sebagai pengembala yang bersifat mudah bergerak (A.A. Navis, 1984 : 139). Dalam menghadapi orang luar pula ia hanya boleh dihubungi di rumah pesaka keturunannya atau kini boleh ditemui di pejabat Undang yang terdapat di setiap luak, Bagi mencapai sesuatu hasil yang baik dan sempurna dalam kepimpinannya terhadap anak buah maka perbilangan adat mengharapakan bahawa:

Kata penghulu menyelesaikan

Kata alim kata hakikat

Kata manti kata berhubung

Kata hulubalang kata menderas

Kata guru kata pengajaran

Kata raja kata melimpahkan

Kata rakyat kata bergalau

Disamping itu penghulu ini dikatakan mempunyai "hutang" yakni tanggungjawab dan kewajiban yang harus diingatnya sepanjang waktu. Pepatah adat mengatakan bahawa penghulu ibarat:

Kayu gadang di tengah padang

Ureknyo tampek baselo

Dahannya tampek bergantung

Daunnya tampek berlindung

Batangnya tampek bersanda

Pepatah ini membawa maksud bahawa seorang pemimpin, penghulu harus memelihara keselamatan dan kesejahteraan sesuai dengan hukum serta kelaziman.

Manakala "hutang" penghulu itu harus diselesaikan oleh anak buahnya seperti diungkapkan oleh pepatah adat:

Penghulu (mamak) di pintu utang

Kemanakan di pintu bayar

Bermaksud "hutang" yang menjadi tanggungjawab dan kewajiban penghulu harus dibayar oleh anak-anak buahnya, iaitu dengan menjaga nama baik penghulu mereka, misalnya dengan mematuhi perintahnya atau tidak sampai membiarkan perintahnya tidak dipatuhi orang (A.A. Navis, 1984 : 139)

Ada empat jenis "utang" penghulu yang perlu diingatnya selalu iaitu:

1. Alur dan patut - iaitu garis (alur) kebijaksanaan menurut hukum patut pula ialah rasa kepantasan sesuatu hukum untuk dilaksanakan pada masa tepat.

2. Jalan yang pasa - yang dimaksudkan dengan jalan yang pasa iaitu ketentuan yang berdasarkan konvensi atau janji yang mengikut.
3. Harta dan pusaka - harga yang dimaksudkan ialah kemakmuran anak-anak buah manakala pesaka ialah warisan.
4. Anak kewanakan - bermaksud anak-anak buah di dalam luaknya.

Oleh itu Undang (penghulu) merupakan pemimpin dan tempat mengadu nasib bagi anak-anak buah kelompoknya. Jadi penghulu ini mestilah memperjuangkan nasib rakyat (anak-anak buah) yang dipimpinnya dengan sempurna. Agar tiap-tiap penghulu (Undang) tidak lupa akan tanggungjawabnya maka adat telah menunjuk ajarkan mereka memimpin melalui perbilangan-perbilangan adat serta pepatah-pepatah sebagai pegangan tiap-tiap penghulu. Oleh kerana adat itu adalah sesuatu yang murni maka pengajarannya juga adalah melalui kata-kata yang tersusun indah serta mempunyai makna yang tersurat dan tersirat. Hanya orang-orang yang arif tentang adat sahaja yang mengetahui maknanya yang tersirat seperti kata peribahasa Melayu:

Hanya jauhari yang mengenal maknikam.

GLOSARI

Abih	-	Habis
Bakarelahan	-	Berkerelaan
Baagieh	-	diberi
Bacarai	-	Bercerai
Barek	-	Berat
Bagantung	-	Bergantung
Balindung	-	Berlindung
Basanda	-	Bersenda
Baselo	-	Bersela
Indak	-	Tidak
Koto	-	Sekumpulan rumah tempat tinggal bersama yang mempunyai peraturan kesetiaan daerah itu
Korong	-	Kampung
Kamangulang	-	Berulang
Memagang	-	Memegang
Nagari	-	Negeri
Pasa	-	Pasar
Sajinjiang	-	Sejinjing
Sapariuk	-	Seperut
Sapikua	-	Sepikul
Sapuah	-	Sepuh
Sumando	-	Suami dari kakak/adik
Taratak	-	Desa yang jauh terpencil
Urek	-	Akar

BIBLIOGRAFI

- Abdul Rahman bin Hj Mohd. 1964. Dasar-dasar Adat Perpatih. K. Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara.
- Abdul Samad Idris. 1987. Takhta Kerajaan Negeri Sembilan. K.L.: Utusan Printcorp SDN. BHD.
- _____. 1968. Negeri Sembilan Sejarahnya. K.L.: Utusan Melayu Berhad.
- Abdullah Sidik. 1975. Pengantar Undang-Undang Adat Di Malaysia. K.L.: Universiti Malaya.
- Amir M.S, 1987. Tonggak Tuo Budayo Minang. Jakarta: Penerbitan Karya Indah.
- Batuah, A.M. Datuk Maruhun dan Tanameh. 1954. Hukum Adat Dan Adat Minangkabau. Djakarta: Poesaka Asli.
- H. Idrus Hakimy Dt Raja Penghulu. 1986. 1000 Pepatah-Pepatih, Manang-Bidal, Gurindam. Bandung: Penerbitan Remadya.
- Kato, Tsuyoshi. 1982 asal. 1984. Nasab Ibu Dan Merantau Tradisi Minangkabau Yang Berterusan Di Indonesia. (Terjemahan Azizah Kassim). Cetakan Semula 1989. K. Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Dahlan Mansor. 1970. Sejarah Minangkabau. Djakarta: Penerbitan Bharata.
- M. Nasron. 1971. Dasar Falsafah Adat Minangkabau. Djakarta: Penerbitan Bulan Bintang.
- Mokhtar Md Dom. 1977. Adat Perpatih Dan Adat Istiadat Masyarakat Malaysia. K. Lumpur: Federal Publications SDN. BHD.
- Mochtar Naim. 1979. Merantau Pola Migrasi Suku Minangkabau. Yogyakarta: Gadjah Mada University Press.

- Marsden, W. 1966. The History of Sumatera. J.M. Greeny
London. Cetakan Semuala 1966. Kuala Lumpur:
Oxford University Press.
- M. Rasjid Manggis Dt Radjo Panghoeloe. 1982. Sejarah Ringkas
Minangkabau Dan Adatnya. Jakatra: Penerbitan
Mutiaras.
- _____. 1971. Minangkabau. Padang: Penerbitan
Sridharama.
- Nordin Selat. 1982. Sistem Sosial Adat Perpatih. K.L.: Utusan
Publications and Distributors SDN. BHD.
- _____. 1978. Renungan. K. Lumpur: Utusan
Publication & Distributors SDN. BHD.
- Shahba. 1951. Pusaka Naning. K. Pilah: The Sentosa Store.
- _____. 1956. Pahlawan Dol Said Naning. K. Pilah:
The Sentosa Store.
- Wilkinson R.S. 1911. Notes on Negeri Sembilan. Terbit Semula.
Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Zakiah Hanum. 1988. Asal Usul Nama Negeri-Negeri Di Malavsia.
K. Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Teromba Sungai Ujong, Tiada Tarikh.
- SEMINAR**
- Khoo Kay Kim. 1974. "Sistem Politik Negeri Sembilan." Seminar
Persejarah dan Adat Perpatih.
- Md. Sharif Fakeh Hasan. 1974. "Sejarah Kedatangan Adat
Perpatih. Seremban: Seminar Persejarah dan
Adat Perpatih.

Nordin Selat. 1974. Pemimpin Dalam Adat Perpatih. Seremban:
Seminar Persejarahan dan Adat Perpatih.

Norhalim Hj Ismail. 1989. The Negeri Sembilan Adat Through
Time With Special Reference To Rembau.
University of Kyoto, Jepun: Kertas Kerja Malay
Seminar.

Shamsul Amri. 1974. Politik Adat Perpatih. Seremban:
Seminar Persejarahan dan Adat Perpatih.

JOURNAL

Gullick S.M. 1949. "Sungai Ujong." Journal of The Malayan
Branch of The Royal Asiatic, Vol. XXII,
Pt. 11.

Winstedt R.O. 1934. "Negeri Sembilan : The History Polity and
Belief of The Nine States." JMBRAS, 12(3).

_____. 1954. A Digest of Customary Law From Sungai
Ujong. JMBRAS, Vol. XXVII, Pt. 3.

MAJALAH

Salamiah Ismail. 1983. "Kuasa Undang Bak Durian Beruang-ruang,
Bak Sawah Berlopak-lopak." Dewan Budaya. Mac
1983.

AKHBAR

Bustamam Ahmad. "Sejarah Pesaka dan Warisan." Berita Harian.
12hb. Feb. 1987. Hal. 14.

_____. "Kumpulan Perut Kesal Tindakan Perut Hilir." Berita Harian. 13hb. Dis. 1986. Hal. 12-13.

_____. "Keputusan Dewan Keadilan Mungkin Tidak Berganjak." Berita Harian. 11hb. Mac 1988. Hal. 11.

_____. "Tujuan Halang Percubaan Perlantikan." Berita Harian. 17hb. Sept. 1987. Hal. 13.

KAMUS

Marah Rusmali dan Rakan-rakan. 1985. Kamus Minangkabau-Indonesia. Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa Department Pendidikan dan Kebudayaan, Jakarta.

TEMUBUAL

Nama : Encik Razali Khalid
 Umur : 58 tahun
 Pekerjaan : Pesara Ahli Bomba
 Jawatan Dalam :
 Adat : Datuk Johan
 Alamat : Kampung Pelegong, Batu 8, Jalan Labu,
 Seremban, Negeri Sembilan.
 Tarikh Temubual: 24hb. Nov. 1991.

Nama : Tuan Hj. Muhamad Tainu
 Umur : 56 tahun
 Pekerjaan : Pengarah Penyelidikan Budaya,
 Negeri Sembilan
 Alamat : Pejabat Pengarah Penyelidikan Budaya,
 Seremban, Negeri Sembilan
 Tarikh Temubual: 20hb. Feb. 1992.